



*Hari Isnin
19 November 2001*

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH**

**PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA**

15 OKTOBER 2001 HINGGA 28 NOVEMBER 2001

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

Hari Isnin
19 November 2001

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

PENGGAL KETIGA MESYUARAT KEDUA

Kandungan	Muka Surat
Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2002	4
Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2002 dibacakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri	5

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH

MESYUARAT KEDUA
PENGGAJ KETIGA

Hari Isnin : *19 November 2001*
(Tempat : *Dewan Undangan Negeri,*
Lebuh Light, Pulau Pinang.

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid)
- Dato' Speaker
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ketua
Menteri
Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) –
Timbalan Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)
Penasihat Undang-Undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman
Khairuddin)
Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Abdul Hanan bin
Alang Endut)
Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)
Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah
“ Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
“ Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)
“ Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Jahara bt. Hamid)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun)

- " Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)
- " Bagan Jermal (Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum)
- " Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
- " Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)
- " Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
- " Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
- " Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
- " Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
- " Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
- " Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
- " Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
- " Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
- " Kampong Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
- " Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
- " Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
- " Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
- " Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
- " Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
- " Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
- " Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
- " Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)

TURUT HADIR

Encik Kasim bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Doa.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya bangun untuk mengemukakan satu usul di bawah Peraturan-peraturan 15(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bahawa Peraturan 15(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ditangguhkan supaya usul Anggaran Pembangunan Tahun 2002 dikemukakan dan dibahaskan selepas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2002 dibacakan pada kali yang ketiga dan diluluskan tetapi sebelum membentangkan Rang Undang-undang Enakmen Mineral Tahun 2001 dan Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Tahun 2001.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah satu usul telah dikemukakan oleh YAB Ketua Menteri di bawah Peraturan 15(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mencadangkan supaya Peraturan 15(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ditangguhkan supaya usul Anggaran Pembangunan 2002 dikemukakan dan dibahaskan selepas Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dibacakan pada kali yang ketiga dan diluluskan tetapi sebelum pembentangan Rang Undang-undang Enakmen Mineral 2001 dan Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan Surcaj 2001.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya"

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara. Usul dibenarkan.

Setiausaha:

Rang Undang-undang. Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2002.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, Saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2002 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan bagi kali yang pertama.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama "satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2002 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu".

Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang pertama.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya ingin mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tahun 2002 bacaan kali yang kedua.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker.

1. BELANJAWAN 2002

- 1.1. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2002 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan Tahun 2002" dibaca bagi kali kedua.
- 1.2. Tujuan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2002 adalah untuk mendapatkan kuasa berkanun bagi membolehkan kerajaan negeri membuat Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM260,430,200 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Enam Puluh Juta, Empat Ratus Tiga Puluh Ribu, Dua Ratus) bagi tahun 2002, daripada mana sejumlah RM185,430,200 (Ringgit Malaysia: Seratus Lapan Puluh Lima Juta, Empat Ratus Tiga Puluh Ribu, Dua Ratus) adalah untuk belanja mengurus dan RM75,000,000 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Lima Juta) pula adalah dipindahkan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan bagi belanjawan pembangunan tahun 2002. Selain daripada itu, peruntukan sejumlah RM28,779,620 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lapan Juta, Tujuh Ratus Tujuh Puluh Sembilan Ribu, Enam Ratus Dua Puluh) diperlukan untuk Perbelanjaan Tanggungan mengikut undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Oleh itu, peruntukan yang diperlukan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan ialah sejumlah RM289,209,820 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lapan Puluh Sembilan, Dua Ratus Sembilan, Lapan Ratus Dua Puluh) bagi tahun 2002.
- 1.3. Selepas Dewan Undangan meluluskan Rang Undang-undang ini, saya akan mengemukakan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2002. Dalam ucapan pada pagi ini, seperti tahun-tahun dahulu, saya akan mencantumkan perbincangan isu-isu mengenai Belanjawan Mengurus dan Belanjawan Pembangunan, memandangkan kedua-duanya bersangkutpaut antara satu sama lain. Oleh itu, ucapan saya akan merujuk kepada dua risalah yang berkaitan, iaitu Risalah Bil.

nombor 10 Tahun 2001 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2002 dan Risalah Bil. nombor 11 Tahun 2001 Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2002 yang terkandung di dalam sebuah buku Belanjawan Tahun 2002 yang telah dibentangkan atas semua ahli.

- 1.4. Dato' Speaker, bagi tahun 2002, sejumlah RM413,432,320 (Ringgit Malaysia : Empat Ratus Tiga Belas Juta, Empat Ratus Tiga Puluh Dua Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh) diperuntukan bagi Belanjawan Tahun 2002 yang merangkumi belanja mengurus dan belanja pembangunan. Jumlah ini merupakan peningkatan RM2.38 juta atau 0.48 peratus berbanding dengan Belanjawan Tahun 2001. Anggaran Belanjawan Mengurus yang berjumlah RM214.2 juta merupakan peningkatan sejumlah RM6.3 juta atau 3.0 peratus, jika dibandingkan dengan belanjawan bagi tahun ini. Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi tahun 2002 yang dicadangkan adalah berjumlah RM199,222,500 (Ringgit Malaysia : Seratus Sembilan Puluh Sembilan Juta, Dua Ratus Dua Puluh Dua Ribu, Lima Ratus). Ini merupakan pengurangan RM3.9 juta atau kira-kira 1.9 peratus berbanding dengan belanjawan bagi tahun ini.

- 1.5. Perincian Belanjawan Mengurus tahun 2002 menunjukkan peningkatan di dalam peruntukan beberapa Pecahan Kepala iaitu di antara 1.6 peratus hingga 5.7 peratus. Peningkatan RM1.7 juta atau 2.8 peratus di bawah emolumen disebabkan kenaikan gaji tahunan sebanyak 10 peratus dan pewujudan serta pengisian jawatan-jawatan baru di beberapa jabatan. Perkhidmatan dan Bekalan meningkat RM2.2 juta atau 5.7 peratus kerana kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang dibeli, sementara Pemilikan Harta Modal meningkat RM154 ribu atau 2.8 peratus oleh kerana pertambahan dalam penggantian kenderaan dan jentera yang tidak lagi ekonomik untuk dibaiki . Pemberian dan Kenaan Tetap menunjukkan kenaikan RM2.9 juta atapun 1.6 peratus berbanding atahun 2001 disebabkan pertambahan aktiviti pelancongan.

- 1.6. Seperti tahun 2001, RM75.0 juta disediakan untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri di bawah Pemberian dan Kenaan. Di samping itu, RM25.0 juta di sediakan kepada Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri, RM20.5 juta bagi bayaran faedah dividen dan kenaan bayaran hutang negeri, RM6.8 juta untuk Kumpulan Wang Pelaburan Negeri, serta RM3.7 juta untuk bayaran pencen dan ganjaran. Butiran mengikut Jabatan adalah seperti dalam Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 10 Tahun 2001.
- 1.7. Anggaran Hasil untuk tahun 2002 berjumlah RM235,275,489 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Tiga Puluh Lima Juta, Dua Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu dan Empat Ratus Lapan Puluh Sembilan) iaitu peningkatan RM18 juta atau 8.3 peratus berbanding anggaran tahun 2001. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan hasil sebenar yang dikutip dalam tahun 2000, kenaikan ini adalah sejumlah RM4.3 juta sahaja. Peningkatan hasil di jangka di buat melalui kaedah baru di dalam pengutan tunggakan hasil yang akan mula di perkenalkan pada tahun 2002 dan punca hasil baru yang akan dikenal pasti. Komposisi hasil tahun 2002 terdiri daripada hasil cukai sebanyak 38.6 peratus, hasil bukan cukai sebanyak 31.4 peratus dan terimaan bukan hasil sebanyak 30.0 peratus. Anggaran hasil akan berbaki RM21.07 juta selepas diambilkira perbelanjaan mengurus. Walau bagaimanapun, caruman sejumlah RM75.0 juta perlu disediakan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan menjadikan Belanjawan 2002 mengalami kekurangan RM53.9 juta. Kekurangan ini dicadang dibiayai daripada simpanan terkumpul.
- 1.8. Daripada Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi tahun 2002 yang dicadangkan berjumlah RM199.2 juta, RM141.6 juta diperuntukkan untuk sektor prasarana dan alam sekitar, RM15.4 juta untuk sektor penyusunan semula masyarakat, RM15.5 juta untuk sektor sosial, RM4.9 juta untuk sektor pertanian, RM3.5 juta untuk sektor pelancongan, kebudayaan dan sukan, RM3.6 juta untuk sektor perancangan ekonomi, RM1.3 juta untuk pembangunan ICT dan selebihnya RM13.3 juta untuk sektor pentadbiran awam.

- 1.9 Belanjawan Pembangunan 2002 dicadang dibiayai melalui pinjaman persekutuan berjumlah RM52.1 juta yang dikhaskan untuk projek-projek bekalan air; pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM10.0 juta; dan punca negeri berjumlah RM93.4 juta di mana RM75.0 juta daripadanya merupakan caruman daripada Belanjawan Mengurus, RM9.4 juta bayaran balik pinjaman dan RM9.0 juta bayaran ansuran bulanan daripada para pembeli rumah kos rendah. Baki yang berjumlah RM43.7 juta akan dibiayai daripada sumber lain. Oleh itu pada keseluruhannya belanjawan 2002 menunjukkan defisit berjumlah RM97.6 juta.
- 1.10 Kerajaan negeri sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah dan berusaha memperbaiki sistem kutipan hasil. Usaha sebegini telah menghasilkan penjimatan dan dapat dilihat dalam prestasi belanjawan tahunan kerajaan negeri setakat ini. Dengan itu, kedudukan akaun semasa tahunan kerajaan negeri sentiasa menunjukkan lebihan ataupun defisit yang amat kecil, sungguhpun dalam anggaran belanjawan meramalkan defisit yang lebih besar. Contohnya, tahun 1996 defisit sebenar hanya berjumlah RM4.7 juta berbanding dengan anggaran defisit sebanyak RM80.4 juta. Bagi tahun 1997, 1998 dan 1999 kerajaan negeri juga menyediakan belanjawan defisit sebanyak RM40.6 juta, RM17.1 juta dan RM42.6 juta tetapi berakhir dengan lebihan sebanyak RM32.1 juta, RM24.9 juta dan RM8.9 juta masing-masing. Oleh itu, kerajaan negeri telah dapat menambah simpanannya dari tahun ke tahun.
- 1.11 Walaupun kerajaan negeri terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemah tetapi dalam tahun 2000 kerajaan negeri telah mengalami defisit sebenar berjumlah RM17.2 juta berbanding dengan anggaran awal defisit berjumlah RM40.7 juta. Begitu juga dalam tahun 2001 ini defisit dijangka RM17.6 juta berbanding dengan anggaran awal defisit berjumlah RM52.3 juta. Keadaan ini adalah disebabkan oleh usaha kerajaan negeri meransang pertumbuhan ekonomi untuk menangani kesan kelembapan ekonomi serantau.

Dalam tahun 2002 pula, defisit yang dijangkakan ialah RM53.9 juta iaitu dalam akaun semasa. Walau bagaimanapun, jika unjuran di atas berterusan, maka adalah dijangkakan defisit sebenar akan menjadi lebih kecil daripada itu sepertimana di tahun-tahun yang lalu.

2. Pembangunan Ekonomi, Prasarana dan Pendidikan

- 2.1 Dato' Speaker, saya telah membentangkan Pelan Strategi Pembangunan Pulau Pinang Dua (PSDP2) di Dewan ini yang menekankan pembangunan lestari, daya saing ekonomi, nilai penyayang dan perkongsian, budaya segar dan urus tadbir baik yang akan memandu pembangunan Negeri Pulau Pinang dalam jangka masa yang panjang. Seterusnya, Rancangan Negeri Pulau Pinang Yang Pertama atau (PSDP1) juga telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk memperkenalkan Pelam Lima Tahun sebagai fasa pertama pelaksanaan PSDP2 bagi tempoh 2001-2005. RNPP1 ini merangka strategi dan rekabentuk projek untuk mencapai Wawasan Negara dan *The Penang Vision*. Sepanjang tempoh RNPP1, Negeri Pulau Pinang akan meningkatkan daya saing ekonomi bagi mencapai cabaran peralihan kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi. Negeri Pulau Pinang harus melengkapkan diri mereka dan merebut peluang daripada globisasi dan peningkatan liberalisasi dengan bermódkan kedudukannya sebagai pusat pembuatan bertaraf dunia dan destinasi pelancongan antarabangsa.
- 2.2 Fokus pembangunan seimbang Negeri Pulau Pinang adalah selaras dengan matlamat Wawasan Negara iaitu untuk mencapai perpaduan nasional melalui strategi utama yang merangkumi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dan pembangunan yang seimbang. Kesan daripada kemelesetan industri elektronik sedunia sejak bulan Disember tahun lepas serta peristiwa ganas pada 11 September dan perang di Afganistan selanjutnya telah melemahkan prestasi ekonomi, bahkan turut mengancam kestabilan politik dan keselamatan dunia sejagat. Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mengasaskan pembangunan ekonominya

kepada industri pembuatan dan perkhidmatan termasuk pelancongan memang terjejas, seperti Singapura dan Taiwan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri akan terus berusaha membangun dan memulihkan ekonominya dengan mempertingkatkan pengurusan pentadbiran awam, memperkukuh dayatahan dan mempelbagaikan asas ekonomi negeri.

2.3 Tahun 2002 merupakan tahun yang amat penting, bahkan kritikal bagi Negeri Pulau Pinang untuk kita bersama-sama meneruskan usaha, bukan sahaja untuk menangani dan mengatasi cabaran ekonomi yang sedang dihadapi dalam jangka masa pendek ini, tetapi juga untuk memperkukuhkan lagi asas ekonomi negeri kita supaya dapat menjamin transformasi ke k-ekonomi secara berkesan dalam jangka masa panjang. Dalam sektor pembuatan, agenda kerajaan negeri bagi tahun hadapan adalah untuk meneruskan beberapa inisiatif dan usaha yang telah dimulakan untuk menerokai produk-produk baru seperti fotonik, reka bentuk produk K-ICT dan bio-teknologi. Di samping itu, projek *Rosetta Net* akan dilancarkan untuk membolehkan industri kecil dan sederhana (IKS) kita menyertai *Global Supply Chain Management* secara berkesan.

2.4 Dalam sektor pelancongan pula, usaha akan dimulakan atau diteruskan bagi beberapa projek produk pelancongan utama yang baru seperti Taman Negara Pantai Aceh, *Tropical Island Resort* di Pulau Jerejak, pemuliharaan warisan di kawasan dalaman Georgetown dan kampung tradisional untuk *cultural tourism* dan *agro-tourism*. Kerajaan Negeri akan meningkatkan usaha promosi pelancongan di negara-negara Timur Tengah, Cina dan India, di samping memajukan perdagangan, khasnya konsep *international procurement centre* dan *logistics hub*. Dalam usaha memajukan ketiga-tiga sektor pembuatan, pelancongan dan perdagangan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan terus memainkan peranan pemangkin dan penggerak utama serta bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan, sektor swasta dan sektor akademik. PDC akan terus menggunakan dananya sendiri untuk tujuan-tujuan tersebut, manakala sebanyak RM6.1 juta diperuntukkan di bawah Belanjawan Negeri Pulau

Pinang pada Tahun 2002 di bawah beberapa Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) atau *EXCO Commmittee* untuk tujuan membiayai aktiviti-aktiviti yang tertentu. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM1.7 juta atau 38 peratus berbanding dengan tahun 2001.

- 2.5. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mempromosikan dan mengembalikan peranan sektor pertanian sebagai satu lokomotif pertumbuhan ekonomi yang utama. Untuk mengurangkan penggantungan kepada import bahan makanan serta menerokai potensi pasaran komoditi dan pertanian sedunia dengan lebih gigih lagi. Selaras dengan objektif ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meningkatkan usaha untuk membangunkan sektor pertanian ini juga, walaupun ianya sekarang menyumbang kurang daripada 2.0 peratus kepada KDNK negeri. Peruntukan akan terus diperolehi daripada sumber persekutuan untuk projek-projek infrastruktur pengairan bagi jelapang padi dan pembangunan tanaman yang lain. PERDA akan terus memainkan peranan dalam beberapa aspek pembangunan luar bandar. Belanjawan dari kerajaan negeri untuk Jabatan Pertanian bagi tahun hadapan di tingkatkan sebanyak 28.0 peratus dari RM1.7 juta bagi tahun ini kepada RM2.2 juta. Kebanyakannya adalah untuk program industri tanaman makanan dan pemerosesan makanan, serta pembangunan teknologi dan sumber manusia. Peruntukan bagi Jabatan Veterinar pula ditingkatkan 108.0 peratus daripada RM1.3 juta bagi tahun ini kepada RM2.7 juta bagi tahun hadapan, kebanyakan untuk skim penggemuk anak lembu serta pembangunan sumber manusia dan sistem maklumat veterinar.
- 2.6. Pembangunan kemudahan prasarana dan perkhidmatan utiliti akan terus menjadi tumpuan kerajaan negeri dalam tahun 2002. Kerajaan negeri akan terus bekerjasama rapat dengan Malaysia Airport Berhad (MAB) dan Malaysia Airlines (MAS) untuk meningkatkan kemudahan lapangan terbang dan memperbesarkan kapasiti kargo udara, dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk

meningkatkan semua kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan, dengan syarikat telekomunikasi untuk meningkatkan sistem telekom dan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mempertingkatkan lagi kualiti bekalan elektrik. Belanjawan untuk tujuan tersebut disediakan di bawah agensi-agensi yang berkenaan, seperti yang dirumuskan di dalam RNPP1. Untuk terus membangunkan projek bekalan air, Jabatan Bekalan Air (JBA) diberi peruntukan sebanyak RM51.9 juta sebagai pinjaman persekutuan melalui kerajaan negeri dalam Belanjawan Negeri bagi tahun 2002.

2.7. Dalam tahun 2002, kerajaan negeri akan terus menumpukan usaha untuk menangani dan mengatasi tiga (3) isu utama yang berkaitan dengan kualiti hidup rakyat, iaitu sistem pengangkutan dan pengurusan lalu lintas, tebatan banjir dan pelupusan berbagai-bagai jenis sisa. Yang pertama, tiga (3) projek lebuh raya yang diswastakan, iaitu Lebuhraya Jelutong (J-Way), Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) dan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dijangka akan bergerak dengan lebih lancar lagi selepas beberapa masalah utama dapat diselesaikan dan selepas mendapat sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Beberapa projek jalan dan jambatan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-7 sedang dan akan terus dilaksanakan di bawah tempoh RMKe-8 ini. Di samping itu, sebanyak RM31.4 juta disediakan di bawah belanjawan pembangunan negeri tahun hadapan untuk melaksanakan beberapa projek jalan negeri yang baru serta memperbaiki jambatan dan jalan kerajaan negeri. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM4.3 juta atau 15.7 peratus berbanding dengan tahun 2001.

2.8. Kedua, projek-projek tebatan banjir yang utama di Sungai Muda, Sungai Perai, kawasan perbandaran Georgetown dan beberapa tempat lagi, di bawah RMKe-8 akan dipergiatkan perlaksanaannya pada tahun hadapan. Kerajaan negeri pula memberi peruntukan sebanyak RM13.4 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri yang merupakan peningkatan sebanyak 34.0 peratus berbanding dengan tahun 2001. Projek yang akan dilaksanakan

termasuk mendalam dan membaiki sungai, membina taliair, parit baru, jambatan dan lintasan, mencegah banjir, membina laluan ban dan sebagainya. Yang ketiga, kedua-dua majlis perbandaran akan mempergiatkan sistem pengurusan sisa pepejal, dengan sokongan dan bantuan daripada kerajaan negeri. Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan lagi tapak pelupusan sisa pepejal di Pulau Burung dan sistem pengangkutan sampah pada keseluruhannya. Usaha mempromosikan amalan kitar semula di kalangan rakyat akan dipertingkatkan lagi secara lebih berkesan.

- 2.9. Oleh kerana tanah kerajaan negeri adalah amat terhad di negeri ini, pelaksanaan banyak projek prasarana, ekonomi dan sosial memerlukan pengambilan tanah, di mana sebanyak RM145.0 juta dianggarkan bagi tempoh RNPP1. Untuk tahun hadapan sebanyak RM30.0 juta telah disediakan dalam Belanjawan Pembangunan Negeri untuk pengambilan tanah bagi projek-projek prasarana seperti pembinaan dan pelebaran jalan, pembinaan jambatan dan perparitan; bagi projek-projek ekonomi, seperti pusat pertumbuhan ekonomi, pasar awam dan pusat penjaja dan bagi pembangunan sosial, seperti pembinaan dan pembesaran masjid dan surau, penyediaan padang awam dan kemudahan rekreasi dan sebagainya.
- 2.10. Sememangnya sektor pembuatan, pelancongan dan perdagangan amatlah bergantung kepada pasaran dunia atau serantau dan faktor-faktor luaran di luar kawalan pihak kerajaan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi dan aktiviti-aktiviti ekonomi melalui peruntukan tambahan yang dikenali sebagai pakej ekonomi *Pre-emptive* sebanyak RM4.3 billion yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini. Di bawah program ini, sebanyak RM1.0 billion disediakan untuk pembangunan projek-projek kecil, seperti mengetar jalan kampung, membaik pulih parit, membina titi dan balai raya, memperbaiki masjid dan surau dan sebagainya. Bagi tujuan ini, sebanyak RM58.0 juta telah diperuntukkan kepada Negeri Pulau Pinang setakat ini. Bahagian pertama sebanyak RM25.0 juta melibatkan sebanyak 710 projek,

manakala bahagian II sebanyak RM20.0 juta untuk 687 projek dan bahagian III berjumlah RM5.0 juta untuk 147 projek dan bahagian IV sebanyak RM1.0 juta untuk 44 projek dan bahagian V sebanyak RM2.0 juta bagi 24 projek gerai.

- 2.11. Daripada jumlah tersebut, Daerah Seberang Perai Utara diluluskan sebanyak RM12.2 juta, Seberang Perai Tengah sebanyak RM9.16 juta, Seberang Perai Selatan sebanyak RM8.33 juta, Daerah Timur Laut sebanyak RM12.4 juta dan Daerah Barat Daya sebanyak RM10.8 juta. Kesemu projek dalam bahagian I hingga IV telah ditawarkan dan di dalam proses pelaksanaan. Projek *Pre-emptive* akan dapat disempurnakan pelaksanaan fizikalnya dan dijelaskan pembayaran dalam tahun kewangan ini supaya memenuhi hasrat kerajaan untuk mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi. Pihak kerajaan negeri memang bersyukur kerana program tersebut telah membolehkan pelaksanaan banyak projek kecil yang telah dikenal pasti, tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan kewangan bagi pihak kerajaan negeri. Kami telah mengagihkan projek-projek ini kepada seberapa banyak kontraktor kecil tempatan yang boleh supaya mereka mendapat manfaat daripada program ini. Adalah dijangka pelaksanaan projek kecil ini akan meningkatkan kualiti hidup orang ramai.
- 2.12. Untuk menangani cabaran-cabaran ekonomi semasa serta memastikan kejayaan proses transformasi teknologi bagi jangka masa panjang, faktor penentu yang utama ialah tenaga kerja yang berpengetahuan dan mempunyai berkemahiran yang sesuai. Kerajaan negeri akan terus meminta bantuan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta untuk menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan pendidikan dan latihan bagi negeri kita ini, termasuk projek-projek sekolah, maktab, institusi latihan dan pengajian tinggi. Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) akan terus diperbesarkan dengan peruntukan di bawah RMKe-8 dan dana dalaman serta sumbangan daripada sektor swasta. Di bawah skim meningkatkan kemahiran bagi graduan atau *graduate re-skilling scheme*, sebanyak RM14.4

juta telah diperuntukkan di bawah pakej *Pre-emptive* untuk latihan dalam bidang IT selama setahun bagi 540 orang graduan di Pulau Pinang. Kelas pertama dengan 20 orang pelajar telah dimulakan.

- 2.13. Di bawah pakej *Pre-emptive* juga, telah dirancang untuk disediakan satu kolej komuniti bagi setiap kawasan parlimen. Kolej komuniti di Kepala Batas telah mula beroperasi sejak pertengahan bulan ini dengan menggunakan bangunan rumah kedai, manakala kolej komunikasi di Balik Pulau akan dibina di sebahagian dari tanah untuk tapak Politeknik. Oleh kerana kekurangan tanah milik kerajaan dan kos pengambilan balik tanah yang tinggi, kerajaan negeri sedang giat mengenalpasti rumah kedai atau ruang komersial yang kosong yang didapati sesuai untuk diperakukan kepada Kerajaan Persekutuan supaya dibeli atau disewa. Di samping itu, sebanyak RM129.0 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi 121 projek pembinaan makmal komputer bagi sekolah, di mana 19 telah siap dan 70 berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Yang baki masih diperingkat perancangan dan penyelesaian beberapa masalah teknikal.

- 2.14. Untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan atau *K-society*, sistem perpustakaan negeri akan terus dibangunkan. Sebanyak RM3.5 juta disediakan untuk menyiapkan pembinaan perpustakaan Daerah Timur Laut dan memulakan pembinaan perpustakaan Seberang Perai Utara dan Daerah Barat Daya, serta perpustakaan pekan di Komtar dan pusat bandar Bukit Mertajam.

3. Keupayaan Melaksana : Sumber Manusia

- 3.1. Pengubalan wawasan serta strategi-strategi yang bernas dan jelas adalah penting sebagai panduan dan penentuan arah tuju pembangunan pada masa hadapan. Akan tetapi, wawasan dan strategi-strategi ini perlu diterjemahkan kepada program-program dan projek-projek yang konkrit dan spesifik untuk dilaksanakan di bawah belanjawan tahunan, berdasarkan Pelan Lima Tahun RNPP1 dan setelah diluluskan oleh Dewan ini. Oleh itu, keupayaan

melaksanakan atau *implementation capacity* oleh jentera pentadbiran menjadi penentu utama untuk mereleasasikan setiap program dan projek secara berkesan dan cekap supaya dapat mencapai sasaran mengikut wawasan dasar dan strategi yang ditetapkan. Satu perkara yang akan diberi keutamaan dalam tahun hadapan ialah untuk terus mempertingkatkan lagi keupayaan pelaksanaan ini bagi semua jabatan dan agensi kerajaan negeri serta kerajaan tempatan.

- 3.2. Usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan ini biasanya dipengaruhi oleh dua (2) faktor utama, iaitu sumber manusia dan sumber kewangan. Sumber manusia ditentukan oleh aspek kuantitatif dan aspek kualitatifnya. Aspek kuantitatif adalah berkaitan dengan saiz tenaga manusia atau bilangan pegawai dan kakitangan. Dalam 15 tahun kebelakangan ini, bilangan jawatan, mahupun struktur organisasi dalam perkhidmatan awam bagi negeri ini pada amnya tidak banyak berubah. Banyak jawatan masih belum diisi kerana pembekuan atas jawatan-jawatan yang kosong yang merupakan satu dasar Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam. Sebaliknya, pengecilan saiz atau *right-sizing* kakitangan berlaku. Beberapa projek utama termasuk lebuhraya dan perkhidmatan penting seperti pembentungan telah diswastakan, mengakibatkan kakitangan kerajaan dari perkhidmatan awam yang berkenaan diserap oleh syarikat swasta yang berkenaan atau bersara.

- 3.3. Dalam pada itu, bilangan penduduk telah banyak bertambah dan berbagai cabaran serta masalah yang berlainan bentuk berbanding dengan masalah-masalah lalu telah muncul, akibat daripada pembangunan ekonomi yang rancak yang diikuti oleh kegawatan ekonomi pula dan perubahan sosial yang pesat. Oleh itu, adalah masih perlu dan penting untuk kerajaan terus memainkan peranan, bahkan dengan tanggungjawab yang lebih berat dan tugas yang lebih luas, terutamanya dalam keadaan ekonomi yang gawat sekarang di mana projek-projek penswastaan yang tertentu didapati kurang berdaya maju. Dalam konteks ini, kekosongan jawatan kritikal perlu diisi, bahkan bilangan kakitangan kerajaan perlu ditambah dan keupayaan mereka perlu dipertingkatkan.

- 3.4. Kekurangan yang amat serius dan ketara adalah dalam Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Sokongan II yang merangkumi jawatan-jawatan teknikal, perkeranian dan pekerja separuh mahir dan buruh kasar. Kekurangan kakitangan Kumpulan Sokongan I adalah sebanyak 151 atau 13.0 peratus daripada jumlah 1,125 jawatan bagi 22 jabatan negeri. Di antaranya, Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai 63 kekosongan atau 26.0 peratus dari jumlah 242 jawatan, diikuti oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan 19 kekosongan atau 25.0 peratus daripada 75 jawatan dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dengan 13 atau 17.0 peratus daripada 78 jawatan. Kekurangan dalam Kumpulan Sokongan II adalah lebih serius lagi, iaitu 547 kekosongan atau 27.0 peratus daripada sejumlah 2,043 jawatan yang melibatkan 22 jabatan negeri. Yang serius sekali ialah JPS dengan 204 kekosongan atau 49.0 peratus daripada jumlah 417 jawatan dan JKR dengan 176 kekosongan atau 26.0 peratus daripada jumlah 667 jawatan, diikuti oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dengan 79 kekosongan atau 20.0 peratus daripada jumlah 381 jawatan.
- 3.5. Di peringkat kerajaan tempatan, kekosongan jawatan juga adalah serius. Untuk Kumpulan Sokongan I, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempunyai 270 kekosongan atau lebih daripada 45.0 peratus daripada jumlah 592 jawatan, dan bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ialah 82 kekosongan atau 13.0 peratus dari 662 jawatan. Untuk Kumpulan Sokongan II, kekosongan bagi MPSP ialah 591 atau 43.0 peratus dari 1,380 jawatan dan bagi MPPP 1,271 kekosongan atau 39.0 peratus dari 3,282 jawatan.
- 3.6. Selepas mengkaji keperluan perjawatan dan senario semasa serta untuk menghasilkan keupayaan pelaksanaan yang berasaskan kepada permintaan Kerajaan negeri pada masa-masa yang lalu. Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telah memutuskan untuk membenarkan pengisian jawatan-jawatan teknikal. Oleh itu, mulai daripada bulan ini, kerajaan negeri akan memulakan langkah untuk mengisikan kekosongan tersebut melalui perlantikan baru dan urusan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL).

- 3.7. Pendekatan yang lebih menyeluruh dan komprehensif untuk meningkatkan keupayaan jentera pentadbiran di dalam menghadapi cabaran tersebut serta melaksanakan perubahan yang diperlukan akan diambil melalui penyusunan semula organisasi yang lebih mantap. Dengan kerjasama serta bantuan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akan melaksanakan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia atau *Human Resource Management Information System* (HRMIS) dan perancangan sumber manusia bagi pentadbiran awam secara yang lebih sistematik, yang mana unjuran keperluan tenaga pekerja untuk beberapa tahun akan dilakukan. Cadangan ini akan melibatkan antara lain Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri termasuk Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan semua pejabat daerah dan akan mengakibatkan pertambahan kakitangan yang menyeluruh dan bukan setakat pengisian jawatan kosong yang sedia ada.
- 3.8. Aspek kualiti pula mempunyai dua komponen, iaitu sistem pengurusan dan jentera pentadbiran serta kemahiran dan sikap kakitangan. Tumpuan akan terus diberi untuk mempergiatkan lagi jentera penyelarasan dan pemantauan terhadap pelaksanaan dasar dan program atau projek pembangunan. Negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai salah satu negeri contoh oleh Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan sistem PMS II atau Projek Monitoring System II, yang merupakan satu aplikasi *flagship e-government* di bawah *Multimedia Supercorridor*. Pelaksanaan PMS II ini dijangka akan meningkatkan lagi keberkesanan sistem pemantauan pelaksanaan projek di negeri ini. Di samping itu, Majlis Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh saya sendiri bermesyuarat hampir tiap-tiap bulan mulai awal tahun ini. Jawatankuasa pemantauan *One-Stop Agency* (OSA) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan negeri bermesyuarat lebih kerap daripada itu untuk menyelesaikan isu-isu pentadbiran dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek juga sering dibawa terus kepada EXCO untuk perbincangan, keputusan

dan penyelesaian. Perubahan yang ketara akan berlaku di dalam pendekatan pelaksanaan projek dengan adanya Rancangan Lima Tahun Negeri (RNPP1). Jika selama ini projek dirancang dan dilaksanakan dari tahun ke setahun, mengakibatkan kelewatan dan peruntukan tidak dibelanjakan sepenuhnya, RNPP1 membolehkan agensi membuat perancangan dan penjadualan lebih awal dan sebelum tahun belanjawan yang berkenaan. Adalah dijangka bahawa dengan pengukuhan pemantauan serta kaedah perancangan dan pelaksanaan di bawah RNPP1, projek-projek pembangunan akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan.

- 3.9. Di dalam usaha untuk meningkatkan keutuhan pengurusan serta kecemerlangan organisasi, pengurusan kualiti menyeluruh yang memberi fokus kepada perkhidmatan mesra rakyat akan terus diberi perhatian utama, malah akan diperluaskan lagi di dalam pentadbiran kerajaan negeri. Di samping menggiatkan lagi pelaksanaan MS ISO 9000, *benchmarking*, piagam pelanggan, jendela pelanggan, pentadbiran negeri akan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa lagi perubahan dan pelaksanaan selaras dengan keperluan semasa.
- 3.10. Tumpuan yang lebih berfokus akan juga diberi kepada program latihan dan kemajuan kerjaya bagi kakitangan kerajaan. Di bawah sistem perancangan sumber manusia yang sedang dilaksanakan, pendekatan baru akan diambil untuk merancang kursus dan latihan yang diperlukan berdasarkan kepada *competency* jawatan dan *competency* pegawai. Di samping menghantar pegawai dan kakitangan mengikuti kursus anjuran INTAN, badan profesional dan swasta, pentadbiran negeri akan menganjurkan tidak kurang daripada 30 latihan berjadual setiap tahun. Ini termasuk kursus I.T., pengurusan organisasi dan *inter-personel*, latihan untuk meningkatkan kemahiran terhadap tugas serta pendedahan kepada idea-idea baru dalam pengurusan. Komponen penting daripada latihan ini bertujuan membawa perubahan sikap serta memupuk nilai-nilai murni bagi meningkatkan tahap komitmen dan keunggulan kakitangan.

- 3.11. Kesejahteraan dan kebajikan kakitangan kerajaan menentukan tahap produktiviti serta komitmen mereka. Ke arah itu, di samping menyediakan ruang pejabat yang lebih selesa, kerajaan juga telah dan akan terus memberi perhatian kepada pembinaan kuarters kakitangan yang baru serta kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf kuarters yang sedia ada supaya kakitangan kerajaan menikmati kediaman yang selesa dan mampu dibayar. Keperluan ini lebih mendesak di kawasan bandar di Negeri Pulau Pinang di mana secara realitinya harga tanah dan perumahan adalah amat tinggi. Berbanding dengan harga tanah di negeri-negeri lain kecuali Lembah Kelang. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM5.3 juta disediakan di bawah Belanjawan Pembangunan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf kuarters kerajaan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Di samping itu, belanjawan sebanyak RM30 juta disediakan untuk tempoh RNPP1 untuk pembinaan kuarters baru. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan penyertaan kakitangan dalam kegiatan kesukanan, kebudayaan dan kesenian untuk meningkatkan tahap kecergasan dan kecerdasan mereka.

4. Keupayaan Melaksana : Pengurusan Kewangan

- 4.1. Dato' Speaker, mengenai sumber kewangan, terdapat tiga (3) punca pembiayaan awam untuk projek-projek pembangunan di negeri ini, iaitu dari peruntukan di bawah Rancangan Malaysia oleh Kerajaan Persekutuan, sumbangan secara langsung atau tidak langsung dari Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan punca kerajaan negeri sendiri. Walaupun kebanyakan sumber kewangan didapati daripada Kerajaan Persekutuan dan PABK, adalah amat penting untuk kerajaan negeri terus memperkukuh dan mempertingkatkan lagi sumber hasil negeri supaya dapat menampung keperluan negeri yang kian meningkat dan mendesak.

- 4.2. Di sini, saya ingin memberi gambaran yang ringkas mengenai unjuran hasil negeri dan pemberian Kerajaan Pusat dalam tempoh sepuluh (10) tahun kebelakangan ini. Hasil negeri dari tanah telah meningkat dari RM64.0 juta pada tahun 1991 ke RM89.0 juta pada tahun 1995, iaitu peningkatan sebanyak 39.0 peratus. Pada tahun 1996, kadar cukai tanah telah dikaji semula dan dinaikkan dan ini telah mendatangkan hasil sebanyak RM133.0 juta, iaitu peningkatan sebanyak 49.0 peratus, berbanding dengan tahun 1995 atau lebih daripada dua (2) kali ganda berbanding dengan tahun 1991. Akan tetapi, ianya telah menurun ke tahap di antara RM105.0 juta dan RM116.0 juta pada tahun 1998 sehingga tahun 2000 kerana rayuan pengurangan cukai dan kegawatan ekonomi. Hasil negeri bukan dari tanah telah meningkat dari RM43.0 juta pada tahun 1991 ke RM70.0 juta pada tahun 1999, iaitu peningkatan sebanyak 63.0 peratus, tetapi menurun ke RM58.0 juta pada tahun 2000. Ini disebabkan turun kadar faedah simpanan tetap, dari tahun 1999 kadar faedah simpanan tetap adalah 6 peratus hingga 7.5 peratus manakala pada tahun 2000 kadar faedah di antara 2 peratus hingga 3.25 peratus sahaja.
- 4.3. Pemberian Persekutuan telah juga meningkat dari tahun ke setahun, iaitu dari RM34.0 juta pada tahun 1991 ke RM57.0 juta pada tahun 2000. Pada keseluruhannya, jumlah hasil termasuk pemberian Persekutuan telah meningkat dari RM142.0 juta pada tahun 1991 ke RM240.0 juta pada tahun 1996, tetapi berada di satu *plateau* di lingkungan RM225.0 juta ke RM240.0 juta dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.
- 4.4. Oleh itu, nampaknya, kita telah sampai ke satu had hasil negeri, terutamanya, hasil dari tanah yang hanya dapat ditingkatkan sekiranya cukai tanah dinaikkan. Akan tetapi, dalam keadaan ekonomi sekarang, adalah tidak wajar bagi kerajaan negeri untuk membuat demikian kerana tidak patut membebankan rakyat dan perniagaan. Kaedah yang kedua ialah untuk mengurangkan tunggakan cukai yang berjumlah RM22.97 juta dan tunggakan bayaran ansuran pembelian perumahan awam sebanyak RM6.1 juta. bekerjasama menyelesaikan tunggakan-tunggakan ini.

Kalau tidak, tindakan yang lebih tegas akan terus diambil walaupun kerajaan negeri sentiasa bertimbangrasa terhadap mereka yang benar-benar menghadapi kesulitan kewangan.

- 4.5. Kaedah yang ketiga ialah untuk menggunakan sebahagian daripada *reserve* untuk membuat pelaburan dengan harapan mendapat pulangan yang lebih tinggi. Sebenarnya, dengan kelulusan Dewan ini, kerajaan negeri, mulai 1994 telah melabur dalam pasaran saham melalui pengurus dana. Walau bagaimanapun, dengan kegawatan ekonomi dan penurunan pasaran saham pada amnya, pelaburan itu telah mengalami kerugian. Kaedah yang keempat ialah untuk mendapat peruntukan saham yang berpotensi tinggi atau *blue chips* semasa syarikat-syarikat yang berkenaan disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan selanjutnya menikmati dividen, bonus dan peningkatan harga. Kaedah ini pernah diamalkan dengan kebenaran khas dari Kerajaan Persekutuan dan didapati berkesan dan berhasil tetapi ianya juga dijejaskan oleh keadaan pasaran yang tidak menentu sekarang.

- 4.6. Kaedah yang kelima ialah untuk menggalakkan dan menyakinkan Perbadanan Awam Bukan Kewangan atau PABK dan badan-badan berkanun menanggung sebahagian besar daripada projek-projek pembangunan untuk negeri ini. Ini ialah kaedah yang didapati amat berkesan di mana misalnya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memainkan peranan mempromosikan pelaburan, membangunkan kawasan perindustrian, memajukan pelancongan dan melaksanakan projek-projek perumahan dan pemandaran bagi pihak kerajaan negeri dengan menggunakan dana yang dijanakan sendiri atau dipinjam daripada institusi kewangan komersial. Begitu juga, melalui peruntukan persekutuan dan projek penswastan atau usahasama, PERDA telah membantu kerajaan negeri memberangsangkan pembangunan di kawasan luar bandar serta pembangunan usahawan Bumiputera. Syarikat-syarikat utiliti, seperti TNB, Telekom, PBA Pulau Pinang Sdn. Bhd., telah juga memainkan peranan masing-masing. Kaedah ini akan diteruskan, bahkan dipertingkatkan lagi.

- 4.7. Kaedah yang keenam ialah melalui proses penswastaan di mana syarikat swasta membina prasarana utama, seperti lebuh raya melalui subsidi daripada pembangunan hartanah ini termasuk juga projek-projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Tiga contoh utama prasarana yang diswastakan di negeri ini ialah projek Jelutong Expressway, BORR dan PORR. Di samping itu, projek tangki petrokimia berpusat atau *centralised tankage facilities* juga menggunakan kaedah seumpama ini. Akan tetapi, kaedah ini yang pada asalnya dianggap sangat berdaya maju oleh sektor swasta sendiri pun sekarang memang bermasalah dalam keadaan ekonomi yang gawat.
- 4.8. Akhir sekali ialah projek pembangunan yang dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun pemberian Kerajaan Persekutuan meningkat setiap tahun namun peruntukan secara keseleruhannya adalah tidak mencukupi untuk membiayai projek-projek pembangunan dan menemui aspirasi rakyat sepenuhnya. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh hasil kerajaan negeri yang terhad. Ini bermakna sumber peningkatan peruntukan adalah dari pemberian Kerajaan Persekutuan. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri bercadang untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapat lebih banyak peruntukan di bawah sumber sedia ada dan menerokai sumber perkongsian hasil yang baru atau *new revenue sharing*.
- 4.9. Mulai tahun 2002 Dato' Speaker, Sistem Belanjawan diubahsuai atau *Modified Budgeting System (MBS)* akan dilaksanakan bagi menggantikan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi SBPP yang telah digunakan pakai sejak tahun 1968. Sistem MBS diperkenalkan bagi memenuhi keperluan pengurusan belanjawan dan kewangan negeri yang semakin kompleks. Negeri Pulau Pinang selaras dengan motto *Penang Always Lead* merupakan negeri yang pertama menggunapakai sistem ini. Sistem ini telah digunapakai oleh Kerajaan Pusat sejak tahun 1992. Sistem ini berkonsepkan *Let Managers Manage* atau memperkasakan tanggungjawab dan akauntabiliti pengurusan kewangan kepada ketua jabatan atau pegawai pengawal untuk merancang, melaksana dan mengawal pengurusan kewangan jabatan dengan lebih berkesan dan mencapai matlamat dan objektif jabatan dan agensi tersebut.

Dengan pelaksanaan MBS, kuasa dan tanggungjawab yang selama ini berada di Jabatan Kewangan Negeri akan dipindahkan kepada ketua jabatan. Pemindahan kuasa membolehkan ketua jabatan lebih bertanggungjawab dan *accountable* untuk memastikan matlamat yang terkandung dalam perjanjian program dicapai dan penggunaan wang awam dibelanjakan secara optimum.

- 4.10. Pada permulaannya proses belanjawan tahunan, Jabatan Kewangan Negeri akan memeriksa dan memperuntukkan sejumlah wang secara pukal atau *lump sum* berdasarkan keperluan dan peruntukan yang diberi dalam tahun sebelumnya. Jumlah wang ini dinamakan Batas Perbelanjaan yang tidak boleh dilampaui di dalam tahun yang berkaitan. Ketua jabatan pula diberi kebebasan untuk mengagihkan jumlah tersebut bagi kegunaan jabatan selaras dengan dasar kerajaan. Ini bermakna, Pindah Peruntukan yang dahulunya di bawah kawalan Jabatan Kewangan Negeri boleh dilakukan oleh ketua jabatan di antara objektif am perbelanjaan dan aktiviti dalam program yang sama. Walau bagaimanapun bayaran emolumen bagi jawatan yang telah ditetapkan hendaklah diperuntukkan secukupnya dan tidak boleh digunakan untuk membiayai aktiviti lain.
- 4.11. Seterusnya ciri penting di dalam MBS ialah perjanjian program yang merupakan suatu akujanji jabatan kepada kerajaan negeri untuk mencapai output dan impak bagi setiap aktiviti yang dikenalpasti. Perjanjian program mengandungi empat belas elemen, iaitu; maksud bekalan, agensi, program, aktiviti, kod, bidang kuasa, objektif, analisis keperluan dan dasar, pelanggan, fungsi, sumber, spesifikasi output, petunjuk impak dan rancangan penilaian. Ciri MBS berikutnya ialah Laporan Pengecualian *exception report* yang perlu disediakan oleh setiap agensi bagi menunjukkan tahap prestasi input dan output yang terkeluar dari tahap yang dipersetujui dan sebabnya kenapa perkara tersebut tidak berlaku seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian program. Ketua Jabatan perlu mengemukakan justifikasi ke atas prestasi yang tidak selaras dengan cadangan tindakan yang perlu diambil untuk mengatasinya. Ciri MBS terakhir ialah Penilaian Program, di mana setiap

aktiviti mesti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga atau lima tahun. Laporan penilaian program yang perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa kewangan negeri akan diberi pertimbangan untuk mewujudkan dasar baru melalui penjimatan daripada pengubahsuaian dasar tersebut.

- 4.12. Secara keseluruhannya Dato' Speaker, pelaksanaan MBS merangkumi dua peringkat. Pertama ialah peringkat dasar sedia ada yang dijadikan asas untuk memulakan proses belanjawan. Batas perbelanjaan akan diberikan kepada pegawai pegawai yang bertanggungjawab mengagihkan peruntukan kepada aktiviti yang sedang dijalankan mengikut keutamaan, manakala peringkat kedua ialah proses belanjawan *one off* dasar baru dan pengubahsuaian dasar bagi membolehkan pengawasan dan pengurusan perbelanjaan tahunan jabatan menyediakan laporan bulanan perbelanjaan yang kemas kini. Satu laporan pengecualian *exception report* yang mengenal pasti sejauh mana pencapaian yang terdapat dalam perjanjian program terkeluar dari varian yang dipersetujui atau *tolerable variance range* hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh tamat sesuatu tahun kewangan dan penilaian program adalah diwajibkan di bawah MBS. Setiap program perlu dinilai sekali dalam tiga tahun.
- 4.13. Ciri dan elemen MBS yang dibentangkan akan mewujudkan pendekatan yang lebih menyeluruh terhadap kawalan perbelanjaan di peringkat jabatan. Ini bermakna pengawasan yang lebih ketat di peringkat Jabatan Kewangan Negeri dapat dikurangkan secara berperingkat dan tanggungjawab ini dipindahkan kepada ketua jabatan. Dengan pelaksanaan sistem MBS pihak pengurusan dapat berusaha memperbaiki dan mengubahsuaikan perancangan dan pengurusan jabatan dalam keadaan yang sentiasa berubah tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Kewangan Negeri. Kerajaan negeri berkeyakinan bahawa pelaksanaan MBS akan memperkukuhkan pengurusan kewangan dan memberi kesan positif terhadap pengurusan awam secara menyeluruh di peringkat jabatan dan membantu merangsang lagi pertumbuhan ekonomi.

5. Kemudahan Mesyuarat dan Kemudahan.

- 5.1. Dato' Speaker, selain daripada sumber manusia dan sumber kewangan, kemudahan yang kemaskini dan mencukupi, seperti ruang pejabat, ruang mesyuarat dan segala peralatan yang diperlukan adalah penting untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan kerajaan serta keupayaan melaksananya. Kerajaan yang dimaksudkan di sini bukanlah sahaja pentadbiran awam dari segi eksekutif tetapi merangkumi juga cabang perundangan atau *Legislative Branch of the Government* dalam sistem demokrasi berparlimen kita. Seperti Yang Berhormat sedia maklum Majlis Perundangan Pulau Pinang dulunya bertempat di sebuah bangunan di *Peel Avenue* pada tahun 1963 iaitu enam tahun selepas kemerdekaan ianya dipindah ke bangunan Dewan Undangan ini yang sedia ada sekarang ini.
- 5.2. Walaupun bangunan sekarang ini merupakan sebuah bangunan warisan bersejarah yang pernah berfungsi sebelum itu sebagai mahkamah majistret, ianya di dapati terlalu kecil dan sesak untuk tujuan Dewan Undangan Negeri. Kamar mesyuarat ini sebenarnya tidak mencukupi untuk menampung 33 orang ahli, para pegawai, pemberita dan orang awam. Di samping itu, kecuali Speaker dan Ketua Menteri, semua Ahli Exco dan ADUN tidak mempunyai pejabat masing-masing. Hanya terdapat dua buah bilik mesyuarat yang kecil selain daripada kamar ini. Salah satunya juga digunakan sebagai pejabat pentadbiran Speaker. Bilik sumber dan perpustakaan pula digunakan sebagai bilik rehat dan ruang pertemuan. Keadaan ini dijangka akan menjadi lebih mendesak lagi sekiranya bilangan ADUN ditambah pada masa hadapan.
- 5.3. Oleh itu, sudah sampai masanya untuk memulakan perancangan membina sebuah Kompleks Dewan Undangan Negeri yang baru supaya dapat menampung keperluan jangka masa panjang iaitu 50 hingga 100 tahun yang akan datang. Selepas perbincangan dengan para Perancang Bandar, di dapati bahawa lebih kurang 10 hingga 20 ekar dari tapak tebus guna tanah oleh PDC sejumlah 100 ekar di sebelah utara Bayan Bay adalah sesuai untuk tujuan tersebut. Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri (EXCO) baru-baru ini telah bersetuju bahawa kawasan ini di namakan Bayan Mutiara dan bukanlah dikenali sebagai Bayan Bay yang merupakan satu projek yang lain. Adalah juga dianggap sesuai bahawa selain daripada semua pejabat wakil rakyat, Ketua Menteri, EXCO, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri haruslah juga memusatkan pejabat di dalam kompleks yang sama demi kelicinan pentadbiran dan pengurusan, khasnya semasa Dewan bersidang. Tujuannya ialah untuk menjadikan Kompleks Dewan Undangan Negeri dan Pejabat Pentadbiran ini sebagai pusat pertemuan di antara pemimpin dan rakyat untuk setiap masa dan bukanlah hanya untuk semasa Dewan bersidang dengan adanya ruang yang mencukupi. Untuk tujuan ini sebanyak RM30 juta disediakan dari sumber kerajaan negeri dengan jangkaan untuk mendapatkan geran daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang telah dilaksanakan di negeri-negeri lain.

- 5.4 Pembinaan Kompleks Dewan Undangan Negeri dan pejabat kerajaan yang baru ini tidak bermakna bahawa kesemuanya pejabat kerajaan akan dikeluarkan dari KOMTAR untuk ditempatkan di tapak yang baru. Disebaliknya Kerajaan Negeri akan terus menaiktaraf dan memberi keutamaan kepada KOMTAR sebagai pusat pentadbiran, komersial dan sosial. Kebanyakan pejabat akan dikekalkan di KOMTAR, bahkan akan terus diperbesarkan termasuk semua perkhidmatan kaunter untuk rakyat membayar bil dan menjalankan sebarang urusan kerajaan. Untuk tujuan ini, PDC telah membelanjakan RM14 juta dalam tempoh 3 tahun yang lalu dan menyediakan sekurang-kurangnya RM20 juta untuk tempoh 5 tahun yang akan datang bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan di KOMTAR. Kerajaan Negeri juga menyediakan RM20 juta lagi di bawah RNPP1 untuk membeli dan menyediakan ruang pejabat kerajaan di KOMTAR. Jumlah peruntukan sebanyak RM40 juta ini dengan sendirinya sudah jelas mencerminkan komitmen kerajaan negeri kepada KOMTAR. Di samping itu, kerajaan negeri akan berusaha menarik syarikat-syarikat multi-nasional jikalau ada untuk menubuhkan I.T. *Call Centres*. Kerajaan negeri juga akan memberangsangkan pembangunan kawasan pusat bandar raya di sekeliling KOMTAR.

5.5 Selain daripada RM30 juta untuk Kompleks Dewan Undangan Negeri yang baru dan RM20 juta untuk KOMTAR iaitu di bawah belanjawan negeri tidak termasuk RM20 juta dari PDC sebanyak RM20 juta disediakan untuk program K-ICT dan program e-kerajaan bagi semua pejabat kerajaan negeri di seluruh negeri. RM30 juta untuk membina kuarters bagi pegawai dan kakitangan kerajaan negeri yang baru. RM6 juta pula adalah untuk Dewan Istiadat di halaman Seri Mutiara iaitu Residen TYT Yang diPertua Negeri kerana selama ini Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai Dewan Istiadat yang sesuai seperti yang terdapat di semua negeri yang lain. Sebenarnya cadangan Dewan Istiadat ini telah dibincangkan selama 8 tahun kebelakangan ini. Peruntukan bagi 5 butiran tersebut di atas bersama-sama dengan peruntukan bagi Pusat Komputer Negeri sebanyak RM5 juta menjadikan jumlah besar sebanyak RM107 juta untuk tempoh RNPP1 iaitu selama 5 tahun yang akan datang. Projek-projek ini akan dilaksanakan selepas perancangan dan perundingan yang lebih teliti dan bukan dengan serta merta seperti yang dikhuatiri.

5.6 Berdasarkan kepada perancangan projek-projek tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan iaitu EXCO telah baru-baru ini meneliti butir-butir di bawah maksud pembangunan P01 dan mendapati bahawa 2 butiran yang sedia ada iaitu butiran 58 dan butiran 54 seperti yang terkandung dalam Risalah Bil. 11 Tahun 2001 tidak mencerminkan dengan jelas dan sepenuhnya maksud sebenar peruntukan bagi projek-projek yang telah dikenal pasti dan dirancangan ini. Butiran 58 di bawah tajuk "Dewan Undangan Negeri dan Dewan Istiadat Residen" sepatutnya dipisahkan menjadi 2 butiran, iaitu butiran 58 sebanyak RM350,000 dikekalkan hanya untuk kerja-kerja membaiki bangunan Dewan Undangan Negeri yang sedia ada sekarang dan satu butiran yang berasingan yang disebut sebagai butiran 66 dengan peruntukan sebanyak RM6 juta dikhaskan untuk Dewan Istiadat yang akan terletak di halaman Seri Mutiara supaya tidak dikaitkan dengan Dewan Undangan Negeri.

5.7 Begitu juga bagi butiran 54 dengan jumlah peruntukan bagi tempoh RNPP1 sebanyak RM101,008,286 yang masih menggunakan tajuk lama walaupun peruntukan di bawahnya adalah untuk maksud yang berlainan seperti yang saya jelaskan terlebih awal. Oleh itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) telah memutuskan supaya butiran 54 dikekalkan hanya untuk pembelian dan penyediaan ruang pejabat di KOMTAR sahaja sebanyak RM20 juta. Projek-projek lain hendaklah disenaraikan di bawah butiran-butiran berasingan seperti berikut iaitu:

Butiran 66 untuk pembinaan Kompleks Dewan Undangan Negeri dan Pejabat Pentadbiran baru di Bayan Mutiara sebanyak RM30 juta.

Butiran 67 untuk pembinaan kuarters kerajaan baru sebanyak RM30 juta.

Butiran 68 untuk pembangunan K-ICT dan e-Kerajaan sebanyak RM15,008,286 juta.

Adalah diharapkan bahawa semakan semula butiran-butiran ini akan mengemaskini bagi butiran-butiran projek dan memberi gambaran yang lebih jelas.

5.8 Perbelanjaan yang dianggarkan pada tahun 2002 juga telah diubah suai seperti yang ditunjukkan, di mana RM600,000 di bawah butiran 65 ialah untuk Dewan Istiadat sebagai 10 peratus daripada anggaran kos untuk tujuan perancangan, ukur tanah, kerja tanah dan sebahagian infrastruktur. RM450,000 tiap-tiap satu di bawah butiran 66 dan 67 yang merupakan 1.5 peratus daripada anggaran kos RM30 juta bagi setiap projek untuk membiayai kos perancangan dan kerja-kerja ukur *survey work*. RM318,400 di bawah butiran 68 adalah untuk program K-ICT khasnya e-kampung. Perubahan ini merupakan penjelasan mengikut butiran-butiran yang sesuai dan tidak memerlukan apa-apa perubahan kepada angka jumlah anggaran pada keseluruhannya. Oleh itu, ianya juga tidak menjejaskan mana-mana aspek belanjawan tahun 2002 mengikut Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan.

- 5.9 Walau apa pun, cadangan Kompleks Dewan Undangan Negeri yang baru merupakan satu projek jangka masa panjang, maka perancangan yang lebih terperinci hanya akan berlangsung mulai tahun 2002 dan selepasnya. Para perancang akan menyediakan pelan konsep asas untuk jawatankuasa pentadbiran projek ini yang dipengerusikan oleh Dato' Speaker sendiri dan untuk Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri memberi *input* masing-masing. Oleh kerana ianya adalah berkaitan dengan hal ehwal kemudahan Dewan Undangan Negeri, saya ingin mencadangkan bahawa selepas pelan konsep disediakan oleh Jawatankuasa Pentadbiran dan selepas mendapati *input* daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dato' Speaker membawa cadangan ini ke Jawatankuasa Dewan untuk perbincangan dan pertimbangan.
- 5.10 Akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada semua rakyat atas sokongan dan sumbangan mereka kepada semua pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan anggota-anggota keselamatan yang telah berkhidmat dengan gigih untuk menjamin kestabilan, keamanan dan kemajuan yang berterusan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan penghormatan yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed yang telah selama ini memberi sokongan padu dan bantuan kepada kerajaan negeri. Saya percaya dan yakin dengan sokongan dan penyertaan semua pihak, negeri kita akan terus maju dan berjaya untuk mencapai sasaran wawasan negara dan *The Penang Vision*.

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan...(tepuan).

Timbalan Ketua Menteri :

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker :

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 20 November 2001 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.